

05/12/2003

Jam antik di rumah bekas PM hilang

ALOR STAR: Sebuah jam tangan antik berjenama Eska buatan Switzerland yang dipamerkan di Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad, Jalan Kilang Ais di sini, didapati hilang.

Kehilangan jam tangan itu disedari kakitangan syarikat pembersihan yang membersihkan rumah bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, petang Selasa lalu sebelum laporan polis dibuat pegawai kanan Jabatan Arkib Negara cawangan Kedah di Balai Polis Alor Star, tengah hari semalam.

Pemangku Ketua Polis Daerah Kota Star, Superintendan Abdul Jalil Wahab, mengesahkan kejadian itu dan menjelaskan siasatan awal mendapati tidak ada tanda pecah masuk ke dalam bangunan berkenaan.

Jam tangan itu dipamerkan bersama dua jam lain dan dua pensil tetapi hanya jam tangan berkenaan yang hilang daripada tempat pamerannya.

Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad yang mempamerkan pelbagai peralatan asal atau yang sejenis, bahan kepunyaan keluarga Dr Mahathir, turut dilengkapi kamera litar tertutup (CCTV).

Turut dipamerkan ialah 16 rencana Dr Mahathir yang ditulis dalam Straits Times Singapura menggunakan nama pena Che Det.

Ada juga bahan berkaitan sejarah hidup Dr Mahathir sejak lahir sehingga berkahwin dengan Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali. Sebahagian bahan diperoleh daripada saudara-mara dan sahabat beliau.